



**TEKS UCAPAN  
YANG BERBAHAGIA DATO' SRI  
ZAINAL RAHIM BIN SEMAN**

**SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN  
BENGKEL PEMUKIMAN AHLI MAJLIS  
KONGRESS CUEPACS 2017**

**PADA 3.00 PETANG  
14 MAC 2017 (ISNIN),  
HOTEL PRIMULA, KUALA TERENGGANU**

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh, Salam Transformasi dan  
Salam Negaraku Malaysia.

Terima kasih Pengacara Majlis.

Yang Berbahagia Datuk Haji Azih bin  
Muda,  
Presiden CUEPACS;

Yang Berusaha Tuan Haji Mohd  
Shaman Jaes  
Timbalan Presiden I CUEPACS,

Yang Berusaha Saudara Zainal Ismail,  
Timbalan Presiden II CUEPACS,

Yang Berusaha Saudara Adnan Mat,  
Setiausaha Agung CUEPACS,

Barisan Pegawai Tertinggi CUEPACS,  
Ahli Majlis Kongress serta saudara dan  
saudari yang saya hormati sekalian.

1. Pertamanya, marilah kita  
memanjatkan kesyukuran ke hadrat  
Allah S.W.T. atas limpah dan  
inayahNya, dapat kita bersama-sama  
dalam Majlis Perasmian Bengkel  
Pemukiman Ahli Majlis Kongress  
CUEPACS 2017 pada petang yang  
sungguh berbahagia ini.

2. Terlebih dahulu, saya ingin menyampaikan ucapan salam daripada Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara yang tidak dapat hadir pada hari ini kerana komitmen rasmi yang tidak dapat dielakkan.

**[TAHUN PENYAMPAIAN  
PERKHIDMATAN 2017]**

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

3. YAB Perdana Menteri dalam Majlis Perhimpunan Bersama Warga JPM yang lalu, telah menegaskan bahawa **2017 merupakan “Year of**

***Delivery***” atau **tahun pelaksanaan** dan **tahun penyampaian perkhidmatan Kerajaan.** Dalam hubungan ini, keutamaan dan fokus kita sebagai pihak yang menjayakan agenda Kerajaan ialah **memastikan setiap projek, program dan perkhidmatan dilaksanakan dengan cepat supaya dapat memenuhi janji-janji Kerajaan kepada rakyat.**

4. Penjawat awam **tidak boleh leka** dan menjalankan tugas dengan norma kerja biasa walaupun ia tidak efisien dan berkesan. Penjawat awam harus **menumpukan usaha kepada core**

**business atau tugas utama** yang sepatutnya dilaksanakan dan jangan buang masa atau bersikap sambil lewa. Sekiranya terdapat benda atau perkara yang boleh kita **elakkan, kurangkan atau hapuskan** tanpa menjelaskan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, maka kita perlu bertindak sedemikian. Kalau sesuatu perkara boleh diselesaikan dalam masa yang singkat menggunakan proses yang lebih efisien tanpa menjelaskan tadbir urus, maka seharusnya pendekatan tersebut diambil.

5. Saya ingin menekankan bahawa kita sebagai penjawat awam hendaklah mengambil iltizam bahawa penyampaian perkhidmatan itu sesuatu yang penting. Keperluan dan kehendak rakyat perlu dipenuhi dengan segera, tepat dan berkualiti. Selain itu, minda penjawat awam perlulah sentiasa berfokus terhadap komitmen, dedikasi dan tanggungjawab ke arah kesejahteraan rakyat.

6. Dalam hubungan yang sama, ekspektasi rakyat terhadap Kerajaan saban hari semakin meningkat. Ini

memandangkan rakyat kini sedar akan hak mereka untuk menuntut perkhidmatan yang cepat dan berkualiti tanpa kerentak birokrasi.

7. Agenda sektor awam ini perlu dilaksanakan dengan serius dan profesional supaya keberkesanan Kerajaan boleh dilihat dan dirasai oleh segenap lapisan rakyat.

8. Dalam hal ini ini, saya menyeru CUEPACS supaya kerap mengadakan *engagement* dengan JPA untuk menghayati keperluan dan masalah penjawat awam. Penjawat awam perlu

**mesra rakyat, *customer-oriented* dan berperanan sebagai pemudah cara.** Dengan langkah ini, kita berharap dapat meningkatkan lagi persepsi positif dan kepercayaan rakyat terhadap penyampaian perkhidmatan awam.

### **[MEMPERKUKUHKAN PEMBUDAYAAN INTEGRITI]**

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

9. Sejak kebelakangan ini, masyarakat umum termasuk penjawat awam, telah dikejutkan dengan

**laporan siasatan** yang dijalankan oleh SPRM ke atas beberapa agensi kerajaan termasuk GLC. Yang terkini, melibatkan sebuah jabatan kerajaan negeri. Berita-berita seperti ini telah **mencemarkan imej perkhidmatan awam** dan sedikit sebanyak, **menimbulkan kekhawatiran** dalam kalangan rakyat terhadap **keupayaan penjawat awam menjalankan tugas dengan integriti**. Rakyat bimbang bahawa gejala ini menular dalam kalangan penjawat awam. Mereka bimbang sekiranya sistem, prosedur dan tatacara perolehan kewangan yang telah ditetapkan dan dirangka

bagi memastikan kelincinan penyampaian perkhidmatan awam, tidak lagi dipatuhi oleh penjawat awam.

10. Terdapat peribahasa Melayu “*Nila setitik, rosak susu sebelanga*”. Dalam konteks yang berlaku sekarang, saya ingin menegaskan bahawa, saya tidak percaya bahawa majoriti penjawat awam, termasuk kita di sini pada hari ini, menyokong tindakan penyelewengan mereka yang disiasat dan didapati bersalah oleh agensi penguatkuasa yang berkenaan. Malah, saya yakin majoriti penjawat awam menjalankan tugas dengan amanah,

jujur dan berintegriti. Hanya disebabkan tindakan segelintir penjawat awam yang bertindak di luar batasan undang-undang, ia tidak membawa maksud seluruh penjawat awam berkelakuan sedemikian.

11. Kalau kita sekadar mengungkap bahawa kita akan berpandukan kepada sistem dan tatacara kerja yang ditetapkan, ia tidak akan membawa apa-apa makna. Untuk mengukuhkan keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan awam, para penjawat awam perlu membuktikan dengan tindakan. Dalam mengukuhkan lagi

langkah-langkah sedia ada, Kerajaan telah bersetuju supaya Jabatan Audit Negara melihat semula pelan audit setiap kementerian dan agensi kerajaan termasuk skop pengauditan, kekerapan audit dan pembentangan laporan audit kepada pengurusan tertinggi.

12. Saya ingin berkongsi satu hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad yang bermaksud; *Sebaik-baik pekerjaan ialah pekerjaan dengan menggunakan tangannya dengan syarat dia jujur dan ikhlas dalam pekerjaannya.*

13. Justeru, marilah kita membuktikan kecintaan dan khidmat bakti kepada negara dengan menjalankan tugas dengan penuh tekun, gigih, dedikasi dan bertanggungjawab.

### **[LOYALTY AND IMPARTIALITY]**

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

14. Kita sebagai penjawat awam, pemegang amanah dan jentera pentadbiran Kerajaan, harus berpegang kepada **prinsip taat setia terhadap Kerajaan yang memerintah** atau *government of the day*. Ini

merupakan satu kewajipan seorang penjawat awam. Dalam usaha kita melaksanakan segala dasar, program dan projek Kerajaan, kita harus sentiasa bersikap **adil dan telus** dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat.

15. Di sini saya ingin mengingatkan saudara saudari semua, adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk **memacu agenda Kerajaan dengan penuh dedikasi berteraskan kepada nilai dan etika penjawat awam seperti termaktub dalam Tonggak 12**. Yang penting, kita ikhlas

bekerja demi agama, bangsa dan Negara supaya **perkhidmatan awam sentiasa relevan dan boleh dipercayai.**

## [KESIMPULAN]

**Hadirin sekalian,**

16. Sebagai rumusannya, penyampaian perkhidmatan awam yang efisien dan mesra rakyat adalah satu imperatif. Perkhidmatan awam haruslah dinikmati oleh segenap lapisan rakyat.

17. Akhirnya, saya mendoakan agar seluruh warga CUEPACS terus bersemangat melaksanakan tugas dan marilah kita bersama-sama merealisasikan saranan YAB Perdana Menteri untuk menjadikan tahun 2017 ini sebagai tahun penyampaian perkhidmatan yang mensejahterakan rakyat dan memakmurkan Negara. Selamat bertugas. ***DELIVER,*** ***DELIVER, DELIVER.***

18. Maka dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, saya dengan ini merasmikan Bengkel Pemukiman Ahli Majlis Kongress CUEPACS 2017.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh. Terima kasih.